


Life IN EDO



PELAN GALERI

BAHAGIAN 1

Melancong

Utagawa Hiroshige

Perarakan kanak-kanak melewati Gunung Fuji

1830-an

Hiroshige secara bersenda meniru kanak-kanak perarakan daimyo melewati Gunung Fuji . Subjek yang popular untuk para seniman, daimyo dan rombongannya dapat mewujudkan satu pemandangan yang meriah. Pada zaman Edo, daimyo diminta untuk pergi ke Kota Edo setiap tahun dan tinggal di sana di bawah sistem kehadiran berganti (*sankin-kōtai*).

Ratusan orang gaji akan mengangkut senjata, barang istiadat, dan barang peribadi yang menandakan kekuatan tentera dan kewangan daimyo. Sebahagian barangan itu dipasang pada kuda; daimyo dan ahli keluarganya diusung di dalam tandu.

Kat. 5

Tōshūsai Sharaku

Pelakon Arashi Ryūzō II sebagai Pemberi Pinjaman Wang Ishibe Kinkichi

1794

Ini adalah satu adegan dari wayang persembahan kabuki mengenai pemberi pinjaman wang yang memaksa ronin yang sakit dan miskin serta isterinya melunaskan hutang mereka. Mereka terpaksa menyerahkan anak perempuan mereka kepadanya, untuk dijadikan pelacur. Memainkan watak menjijikkan, Ryūzō II membuat watak pemberi pinjaman wang lebih kompleks. Hatinya keras, bertingkah seperti pembuli, tetapi matanya menunjukkan rasa kurang percaya pada diri sendiri.

Penonton datang untuk melihat pelakon-pelakon kabuki yang mereka minati. Pelakon masa itu adalah seperti bintang idola hari ini. Sharaku dengan cemerlang menonjolkan persembahan pelakon dengan penyampaian yang begitu hidup dan bertenaga. Beliau berjaya menjadikan pelakon-pelakon berkenaan sebagai selebriti pada akhir abad ke-18.

Kat. 37

Katsushika Hokusai

Miya

Kenikmatan Musim Bunga di Lima Puluh Tiga Stesen

1804

Tiga orang wanita langsing tiba di Miya, stesen ke-41 di Tōkaidō. Bunga plum berkembang mekar; ini mungkin lewat musim sejuk atau awal musim bunga. Untuk sampai ke stesen seterusnya, seseorang harus menaiki feri melintasi Teluk Ise. Di sebelah kiri ialah Istana Kuwana .

Adalah sukar dan tidak selesa bagi wanita untuk melakukan perjalanan pada zaman Edo. Mereka harus mendapatkan keizinan khas. Lelaki di belakang itu mungkin pekerja pengangkat yang diupah untuk membawa barang.

Kat. 4

Keisai Eisen

Fujieda

sekitar tahun 1842

Fujieda adalah stesen ke-22 di Tōkaidō; cetakan ini mestilah dari siri yang memaparkan laluan tersebut. Wanita yang mencantikkan atau memotong kuku jari kaki adalah subjek yang agak biasa dalam cetakan ukiyo-e. Dalam cetakan ini, wanita itu menggunakan gunting yang lebih biasa digunakan untuk memotong benang.

Kat. 14

Utagawa Hiroshige

Shirako di tepi jalan menuju Keramat Ise

Shank's Mare di Jalan Tōkaidō

akhir tahun 1830-an

Cetakan ini berdasarkan novel komik *Shank's Mare*, diterbitkan dalam format bersiri (1802–09). Kisahnya berkenaan Yajirobē dan Kitahachi dalam perjalanan pengembaraan dan peristiwa malang yang berlaku di sepanjang Tōkaidō. Novel ini merupakan kejayaan yang luar biasa dan diberi pengiktirafan kerana memajukan minat untuk mengembara dalam zaman Edo.

Di sini mereka di Shirako, Ise. Kitahachi menyewa seekor kuda. Tetapi sedang beliau mahu menunggangnya tercetus satu pertengkaran hebat yang menakutkan kuda tersebut, lantas menyebabkan Kitahachi terjatuh.

Kat. 7

Utagawa Hiroshige

Shōno: Hujan ribut

Lima Puluh Tiga Stesen Jalan Tōkaidō
sekitar tahun 1833

Pada cetakan antara yang paling terkenal dalam siri ini, Hiroshige dengan bijak menggambarkan sensasi ribut hujan yang ganas. Bahagian atas buluh terbelok akibat ditiup angin dan hujan, yang dililit dengan warna kelabu, sedang alam tiba-tiba berubah menjadi gelap dan angin ribut. Shōno ialah stesen ke-45 Tōkaidō.

Kat. 12

Utagawa Hiroshige

Mishima: Kabus Pagi

Lima Puluh Tiga Stesen Jalan Tōkaidō
sekitar tahun 1833–34

Cetakan ini menggambarkan pemandangan di Mishima (wilayah Shizuoka), stesen Tōkaidō ke-11. Komposisi dan teknik pembuatannya mencipta ilusi perspektif atmosfera, bermain dengan warna yang kuat pada kumpulan depan berbanding siluet bayangan manusia dan seni bina di latarnya. Torii (gerbang) Kuil Mishima Taisha dapat dilihat di latarnya.

Kat. 9

Utagawa Hiroshige
Sungai Ōi antara wilayah Suruga dan Tōtōumi
Tiga Puluh Enam Pemandangan Gunung Fuji
1858

Untuk mempertahankan Kota Edo, pemerintahnya telah membuat keputusan strategik untuk tidak membina jambatan menyeberangi sungai-sungai besar. Dalam kes Sungai Ōi, bot dan feri pengangkutan juga dilarang melintasi sungai. Pelancong terpaksa mencari cara lain untuk menyeberang sungai. Paras air yang turun naik kadangkala membolehkan pelancong menyeberangi sungai. Ada mengupah pembawa tandu atau kuli untuk membawa mereka dan barang-barang mereka menyeberang. Kerana itu, Sungai Ōi dianggap sebagai bahagian paling sukar di Tōkaidō.

Siri ini, yang kedua mengenai gunung Fuji, menggambarkan gunung tersebut dalam pelbagai musim dan keadaan cuaca, dilihat daripada pelbagai tempat dan jarak yang berbeza.

Kat. 15

Utagawa Kunisada
Kuwana
Lima Puluh Tiga Stesen Jalan Tōkaidō
sekitar tahun 1815

Cetakan ini menggambarkan Kuwana, stesen ke-42. Untuk sampai ke Kuwana, seorang pengembara terpaksa menaiki feri di seberang teluk dari Miya. Di sebelah kiri adalah Istana Kuwana. Bentuk kertas menunjukkan bahawa cetakan ini dirancang untuk dijadikan kipas (uchiwa). Tokoh yang mengagumi istana itu mungkin adalah pelakon kabuki.

Kat. 18

Utagawa Sadahide
Lord Mashiba Hisayoshi membina Istana Himeji di wilayah Harima
1862

Cetakan ini menunjukkan pemodelan semula Istana Himeji pada 1581 di bawah Hashiba Hideyoshi. Untuk menjelaskan nama dalam tajuk, “Mashiba Hisayoshi” adalah nama watak kabuki untuk Hashiba Hideyoshi.

Hideyoshi adalah pengikut daimyo Oda Nobunaga, yang telah menghadiahkan istana tersebut kepadanya setelah kemenangan besar tenteranya. Hideyoshi telah mengubah suai bentuk istana dengan ketara, termasuk membina sebuah bangunan tiga tingkat. Kemudian, Tokugawa Iyasu memberikan Istana Himeji kepada menantunya Ikeda Terumasa. Ikeda membina semula dan mengembangkan istana sepenuhnya, menambah tiga parit dan mengubahnya menjadi kompleks istana yang masih ada hingga ke hari ini.

Kat. 19

Kecantikan

Kitagawa Utamaro II

Willow bergaya timur di tepi sungai

1804–18

Cetakan ini dihasilkan oleh murid pertama Utamaro, yang mewarisi nama gurunya itu setelah kematiannya. Di sini Utamaro II menggambarkan dua orang gundik sedang mempersiapkan diri. Seorang mempunyai gulungan kertas di bawah dagunya, sementara tangannya sibuk mengatur cepit rambutnya.

Kat. 21

Utagawa Toyokuni II x Utagawa Kunihiro

Gaya rambut: Monyet

Fesyen Timur yang Elegan: Dua Belas Haiwan Zodiak

1830-an

Seperti judulnya, cetakan ini memasangkan haiwan zodiak dengan wanita yang bergaya. Wanita cantik yang sedang cuba menghias rambutnya dilukis oleh Toyokuni II; monyet itu dibuat oleh Kunihiro, kedua-duanya adalah seniman aliran Utagawa.

Kat. 25

Utagawa Toyokuni I

**Wanita menggelap wajahnya di hadapan cermin
sekitar tahun 1820**

Gundik ini memakai pakaian dalam yang panjang. Posturnya yang santai dan keadaan separuh telanjang menunjukkan bahawa dia baharu sahaja mandi. Di belakangnya ada kimono yang dipakainya. Para gundik biasanya mandi pada waktu pagi. Gundik ini sedang mahu berhias, seperti yang dapat dilihat pada meja soleknya.

Kat. 23

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III

Nampak Tenang

Tiga Puluh Dua Aspek dalam Gaya Moden
1859

Wanita ini baharu sahaja selesai mandi. Dia memakai yukata yang dicelup bahan pewarna biru; warna yang memberikan getaran sejuk pada komposisi lukisan ini. Satu tulisan memberikan nama senimannya: Kunisada. Di sebelahnyalah: “Yokokawa Horitake”, pengukir kayu.

Perhatikan dengan lebih dekat rambut dan garis rambut wanita ini. Perincian yang baik tidak akan dapat dilakukan tanpa pengukir kayu yang mahir. Sejak akhir zaman Edo dan seterusnya, beberapa orang pakar pengukir kayu mula mengukir nama mereka pada blok-blok kayu yang mereka hasilkan.

Kat. 27

Utagawa Kunisada, alias Toyokuni III (1786–1864)

Jenis yang berhati-hati

Tiga Puluh Dua Aspek dalam Dunia Moden
sekitar tahun 1820

32 aspek dalam tajuk cetakan ini merujuk kepada “32 tanda Orang Besar” yang dijelaskan dalam teks Buddha. *Shimahi*, yang tertera di bahagian atas cermin, menggambarkan apa yang dilakukan wanita itu: “bersiap-siap” atau. “sedang berpakaian “. Wanita ini mungkin seorang gundik, dan tubuhnya separuh telanjang untuk membolehkannya memakai solekan bedak putih.

Rambutnya diikat dalam bentuk *tsubushi-shimada*, gaya rambut yang digemari ramai oleh para gundik, geisha, dan pelakon-pelakon kabuki wanita.

Kat. 26

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III x Utagawa Kuniyoshi II
Imagawa-bashi
Seratus Wanita Cantik di Tempat Terkenal di Edo
1858

Dalam cetakan kolaborasi ini, imej paling atas oleh Kuniyoshi menggambarkan Jambatan Imagawa, salah satu tempat terkenal di Edo. Terdapat ramai peniaga barangan eksport seramik dan Cina di kawasan itu. Kunisada melukis gambar wanita ini sedang mencuci rambutnya. Dia melipat bahagian atas kimono untuk mengelakkannya daripada basah.

Kat. 31

Utagawa Kuniyoshi
Wanita dengan pisau cukur
Wanita berpakaian kain corak Benkei
sekitar tahun 1845

Antara tahun 1840 dan 1845, dasar penapisan baharu oleh Kesyogunan Tokugawa mengharamkan sebarang perbuatan menggambar atau melukis tokoh-tokoh atau peristiwa bersejarah. Sayangnya bagi ramai pelakon kabuki dan seniman ukiyo – termasuk Kuniyoshi, tokoh-tokoh seperti itu adalah sebahagian daripada repertoir biasa mereka dan sumber inspirasi. Ramai seniman beralih kepada genre pengembaraan, pemandangan, dan adegan kehidupan seharian.

Untuk terus menggambar tokoh sejarah dan menghindari diri daripada dianggap melanggar peraturan, Kuniyoshi menggunakan idea *mitate-e* (kiasan) untuk cetakannya. Watak sejarah Benkei sangat popular di kalangan orang Edo. Seorang rahib pejuang, dia pernah berkhidmat sebagai pembantu pahlawan samurai terkenal Minamoto no Yoshitsune. Dalam pementasan kabuki, kostum yang dipakai oleh pelakon yang memegang watak Benkei memakai pakaian bercorak kotak-kotak. Kerana populariti pementasan itu, reka bentuk ini menjadi terkenal sebagai kain corak Benkei.

Siri ini menunjukkan wanita yang berbeza mengenakan kimono gaya Benkei, bergambar untuk mengimbangi kembali pemandangan dari kehidupan Benkei. Oleh itu, setiap wanita menjadi satu “analog” Benkei untuk mengatasi larangan menggambarkan tokoh sejarah. Cetakannya juga memuatkan puisi mengenai kejadian legenda dalam kehidupan Benkei.

Kat. 32

Keisai Eisen
Wanita menggosok gigi
Tokoh Moden
1830–44

Berus gigi wanita ini mempunyai dua sisi, dengan berus besar dan yang lebih halus, untuk jurang yang lebih kecil di antara gigi. Pigmen merah pada berus adalah serbuk gigi. Wanita ini memegang bungkusan serbuk itu di tangan kirinya. Pada awal 1800-an, terdapat banyak pembuat berus gigi dan produk penjagaan gigi. Pada masa itu, orang Edo sangat mengambil berat menjaga kesihatan gigi mereka.

Kat. 34

Ochiai Yoshiiku
Perbandingan pinggul langsing seperti pohon willow dalam salji di Rumah Mandian Yanagiya
Adat Tahunan pada Masa Kini
1868

Ini ialah pemandangan di rumah mandian pada permulaan zaman Meiji (1868-1912). Seorang lelaki di bahagian atas nampaknya terganggu dengan kekecohan di lantai. Lelaki ini ialah sansuke, seorang pekerja yang kerjanya menyalakan dandang, memeriksa suhu air, memungut bayaran, dan menyediakan khidmat menggosok badan serta dandan kepada pelanggan. Pelayan ini adalah satu-satunya orang yang dikecualikan daripada pengasingan jantina di rumah mandian.

Kat. 35

Kucing

Kitagawa Utamaro

**Budak lelaki hamba mimpi seekor kucing raksasa
sekitar tahun 1794–95**

Dalam cetakan ini, seorang gadis sedang bersenda dengan menconteng wajah budak lelaki yang sedang tidur. Adegan di atas menunjukkan mimpi budak lelaki itu: seekor kucing memakai kain kepala, kimono longgar, dan membawa payung. Gaya berpakaian pada kucing seperti manusia ini dan gaya berdirinya menggambarkan pelacur jalanan (yotaka). Juga, perkataan neko (Kucing) digunakan untuk pelacur jalanan yang tidak berlesen.

Kat. 39

Utagawa Kuniyoshi

**Jelitawan dengan seekor kucing di tepi kolam ikan emas
sekitar tahun 1851**

Lukisan kembar tiga ini menunjukkan tiga orang wanita sedang bersantai di beranda pada waktu petang. Ikan emas berenang-renang dalam kolam di belakangnya. Kucing peliharaan wanita di sebelah kiri nampaknya tertarik dengan ikan emas itu.

Kat. 52

Utagawa Kuniyoshi

Tabiat mendengar gosip

Empat Puluh Lapan Tabiat Dunia Terapung

sekitar tahun 1847–48

Seperti yang digambarkan oleh tajuknya, wanita ini suka bergosip. Dia membongkok ke depan, seolah-olah mendengar dengan penuh perhatian. Di sebelah kanan terdapat *nagahibachi*, alat pemanas berbentuk kotak dengan brazier dan papan perapian. Ini juga dikenali sebagai nekoita, “papan kucing”, tempat kegemaran kucing untuk memanaskan diri semasa musim sejuk.

Teks di atas memberikan respons pendengar: “Saya faham ...”, “Apakah begitu?”, “Apa yang telah terjadi?” dan banyak lagi.

Kat. 53

Utagawa Kuniyoshi

Hadiah hutang budi yang terlewat

Kepalsuan dan Kebenaran: Kedua-dua Bahagian Hati
sekitar tahun 1847–48

Di sini, seorang wanita cantik digambarkan dua kali; gambar utama menunjukkan kepalsuan, dan gambar sisipan mendedahkan kebenaran. Di atas, seorang wanita berasa sangsi akan niat di sebalik pemberian ikan segar secara tiba-tiba daripada seorang wanita yang sudah lama tidak ditemuinya. Bagaimanapun, gambar utama menunjukkan wanita yang sama menatap dulang yang dia terima dengan penuh senang hati dan terima kasih. Seekor kucing peliharaan gementar berdiri di belakangnya, mungkin takut melihat udang galah yang besar.

Kat. 55

Utagawa Kuniyoshi

Tidur pagi membazirkan

Enam belas Pertimbangan Keuntungan yang Hebat
sekitar tahun 1846

Dalam siri ini seorang wanita cantik dipasangkan dengan seorang teman, pengikut Buddha yang setia.

Mereka disebut sebagai sami Buddha (sonja). Tetapi dalam siri ini, Kuniyoshi memainkan kata dan melambangkannya sebagai “sami yang rosak” 損者 (*sonja*). Wanita di sini telah bangun lewat. Cetakan ini mengingatkan kita akan keuntungan dan faedah menjadi pekerja rajin, yang akan diberi ganjaran atas pekerjaannya, dan amaran agar tidak menjadi seorang yang pemalas.

Kat. 56

Utagawa Kuniyoshi

Pemahat besar Hidari Jingorō

sekitar tahun 1847–50

Pemahat legenda Hidari Jingorō sedang bekerja di studionya. Beliau terkenal kerana keahliannya dalam mengukir tokoh-tokoh Buddha yang begitu meyakinkan sampai mereka disangka benar-benar hidup. Semua tokoh yang

dipahat itu mungkin merupakan potret pelakon kabuki. Oleh kerana Reformasi Tenpō tahun 1842, cetakan pelakon adalah diharamkan. Kuniyoshi menemui cara yang bijak untuk memaparkan pelakon tanpa melanggar peraturan.

Seorang pemahat duduk di lantai di cetakan tengah, sambil mengukir satu tokoh. Ini adalah potret diri Kuniyoshi, seniman cetakan. Kuniyoshi berpaling dari pandangan penonton. Tetapi penonton akan tahu bahawa itu sebenarnya adalah dirinya: sekeping tuala tersangkut di bahu dan kussyennya mempunyai lambang seniman (juga digunakan sebagai mohor selepas tandatangannya di setiap helaian), dan dia disertai oleh salah seekor kucing calico.

Kat. 57

Uttagawa Kuniyoshi Fenomena luar biasa lukisan Ōtsu-e yang popular sekitar tahun 1847–48

Semasa Reformasi Tenpō (1842-46), mencetak gambar pelakon telah diharamkan; selepas itu, ia dibenarkan selagi nama dan lambang pelakon tidak disertakan. Kuniyoshi mempermainkan peraturan ini dengan menghasilkan karya-karya humor di mana wajah aktor pelakon terkenal muncul dalam bentuk yang mengejutkan: seperti kucing, ikan emas, contengan, atau, seperti dalam lukisan kembar tiga ini, lukisan rakyat Ōtsu-e. Gambar Ōtsu adalah karya kecil yang dijual sebagai tangkal nasib baik kepada pelancong yang melalui bandar Ōtsu, perhentian terakhir di Tōkaido sebelum Kyoto.

Seniman Iwasa Matabei (1578–1650) dianggap sebagai pengasas sekolah ukiyo-e. Beliau juga dipercayai sebagai orang yang telah melukis Ōtsu-e. Kedua-dua anggapan itu ini kini dikatakan tidak benar. Namun, ia menjadi asas untuk persembahan kabuki yang popular, dengan menonjolkan Matabei sebagai watak utama. Dalam adegan ini, Kuniyoshi telah menjadikan dirinya sebagai Matabei. Wajahnya disembunyikan oleh salah satu helaian kertas dari mana watak-watak itu telah melepaskan diri. Kipas di sebelahnya mempunyai lambang paulownia (juga digunakan sebagai cap mohor atau meterai selepas tandatangannya pada setiap halaman kertas lebih jelas dilihat di sini daripada cetakan sebelumnya). Beliau ditemani oleh salah seekor kucingnya yang banyak itu. Petanda ini memberi isyarat kepada penonton mengenai identitinya.

Kat. 58

Utagawa Kuniyoshi
Lily
Pemilihan Enam Bunga yang Elegan
sekitar tahun 1843

Gelaran siri Jepun, Fūryū Rokkasen adalah wayang menurut istilah Rokkasen (*Enam Puisi Abadi*), yang digunakan untuk penyair terkenal pada pertengahan abad ke-9. Kuniyoshi memilih enam bunga yang popular dan memasangkannya dengan seorang wanita cantik. Bunga-bunga tersebut – teratai di sini – diletakkan dalam pasu porselin biru-putih yang indah. Kucing tanpa kolar (mungkin liar) sedang menggeram.

Kat. 61

Utagawa Yoshiharu
Gundik Kiyokawa dari Rumah Pelacuran Okadaya
Pelbagai Jelitawan Paling Popular di Tempat Tinggal Sementara di
Fukagawa
1865

Dalam cetakan ini, gundik terkenal Kiyokawa dari rumah pelacuran Okadaya sedang bermain dengan kucingnya. Kimono nya dihiasi dengan rama-rama yang menari di ladang dandelion. Dikenali sebagai *tanpopo* di Jepun, dandelion adalah tanaman yang sangat digemari pada zaman Edo.

Kat. 62

Katsushika Hokusai
***Sketsa oleh Hokusai*, jilid. 14**
Selepas tahun 1849

Ini adalah salah satu daripada 15 jilid Hokusai Manga, juga dikenal sebagai Sketsa oleh Hokusai. Subjek-subjeknya meliputi pemandangan, tumbuh-tumbuhan dan binatang, kehidupan sehari-hari, dan alam ghaib. Jilid pertama diterbitkan pada tahun 1814; tiga jilid terakhir terbit selepas kematiannya.

Jilid 14 ini menunjukkan seekor serigala dan seekor kucing. Walaupun dilabel sebagai serigala, binatang ini lebih mirip seperti anjing liar. Dalam zaman Edo, ada spesies (sekarang sudah pupus) yang disebut serigala Jepun (*Nihon ōkami*) atau serigala Honshū.

Kat. 65

Utagawa Kuniyoshi

***Bulan Berkabut: Dongeng Kucing*, jilid. 3, 4, dan 6**

1845, 1846, 1848

Cetakan-cetakan ini berasal dari *Hazy Moon: The Tale of Cats*, sebuah novel bersiri dengan gambar. Ia dibuat dengan kerjasama salah seorang pengarang paling popular pada akhir zaman Edo, Santō Kyōzan. Kuniyoshi dan Kyōzan adalah pencinta kucing. Dalam novel ini, kucing-kucing menyamar diri sebagai pelakon.

Plot ini berpusat pada pengembaraan seekor kucing betina bernama Koma. Ia jatuh cinta dengan seekor kucing belang jantan, berkahwin lari dengannya, kemudian berpisah. Si kucing betina akhirnya diambil menjadi peliharaan seorang puteri.

Kat. 59a–c

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III

Bunga sakura di Mansion Rokujō Genji

1854

Ini adalah pemandangan musim bunga dari *False Murasaki's Rural Genji*, sebuah parodi dari Kisah Genji. Ashikaga Mitsuuji, Putera Genji “desa”, berdiri sambil memegang kipas. Dia mengambil bahagian dalam festival melihat bunga sakura.

Wanita yang berdiri di sebelah kanannya ialah Onna Sannomiya (Putri Ketiga, yang dikahwinkan dengan Genji). Dalam cetakan yang asli, puteri itu dilihat oleh Genji ketika dia melangkah keluar ke beranda untuk menangkap kucingnya. Dalam cetakan ini, dia memegang kucing dengan tali – rujukan ceria untuk kisah itu. Tetapi di sini Sannomiya tertawa gembira melihat Mitsuuji terganggu oleh kipas lipatnya sendiri.

Kat. 50

Tsukioka Yoshitoshi

Nampak jengkel: Penampilan gadis pada zaman Kansei

Tiga Puluh Dua Aspek Wanita

1888

Siri ini menggambarkan wanita dengan latar belakang dan pekerjaan yang berbeza, masing-masing berkaitan dengan mood atau perwatakannya. Judulnya mungkin merujuk kepada kucing yang kelihatan jengkel kerana dibelai oleh pemiliknya. Wanita itu mungkin berasal dari keluarga saudagar kaya. Kolar sikucing diperbuat daripada kain yang serupa dengan *juban* wanita (kimono dalaman).

Kat. 63

Anjing

Suzuki Harunobu

Renshi

Lima Warna Dakwat Yang Anggun

sekitar tahun 1769

Harunobu menampilkan wanita ini sebagai penyair. Bunga-bunga seri pagi mekar di taman. Kimono wanita ini mempunyai reka bentuk akbstrak bunga seri pagi yang kembang mekar. Puisi di atas berbunyi: Bebunga seri pagi / sekali lagi / wajah-wajah/ aku selalu melihat Renshi.

Adakah si anjing atau bunga seri pagi di taman itu yang merupakan “wajah pagi” yang dilihat oleh wanita ini? Atau adakah teman lelakinya, yang mungkin masih tertidur di balik tirai?

Anjing pada mulanya adalah haiwan mewah, diterima sebagai hadiah dari pedagang Barat dan Cina. Akhirnya, ia dijadikan haiwan peliharaan oleh pedagang dan gundik yang kaya. Anjing kecil menjadi haiwan kesayangan daimyo dan wanita istana.

Kat. 66

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III
Wanita muda menggendong anak di belakangnya
Malam Dingin Membeku dan Adab Moden
sekitar tahun 1820

Cetakan ini menggambarkan seorang wanita muda mengasuh seorang anak sementara seekor anjing cuba bermain dengannya. Anak lelaki itu memakai kimono dengan reka bentuk mimasu-tsunagi (tiga kotak bersarang). Ini adalah *klan mon* (lambang) Ichikawa Danjūrō, keluarga pelakon kabuki yang terkenal.

Kat. 69

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III
Pemuzik jalanan
Jalan dalam Musim Bunga
awal 1820-an

Seorang ibu dan anak disambut di pintu masuk rumah mereka oleh seekor anjing. Ia mungkin anjing liar dari tepi jalan yang datang mencari makanan. Gambar sisipan menunjukkan pasangan penghibur jalanan. Sudah menjadi perkara biasa pada awal musim bunga untuk melihat seorang pelakon jalanan wanita, dengan kimono baharu dan topi bertenun, bermain alat muzik shamisen dalam *Tori-oi Matsuri*, pesta mengejar burung. Pesta ini adalah untuk mendoakan tanaman yang banyak dan kesihatan serta kesejahteraan keluarga, terutama anak-anak. Seperti hari ini, penghibur jalanan ini berharap dapat menerima wang untuk persembahan mereka.

Kat. 71

Keisai Eisen
Membaca buku
Lapan Perkara yang Digemari dalam Dunia Moden
sekitar tahun 1823

Seorang Chin Jepun bersandar sedang seorang wanita membaca sepucuk surat yang dilipat. Eisen menggunakan timbunan buku di atas untuk mempromosikan buku ilustrasinya sendiri. Di bahagian atas ialah *Kaido chazuke*, dengan ilustrasi oleh Eisen. Yang terbuka di bawah ialah *Kronikal Lapan Ekor Anjing*, sebuah kisah epik dalam 106 jilid, yang diterbitkan

selama 28 tahun (1814–42). Kisah-kisah itu berkisar pada lapan samurai yang merupakan saudara tiri, semuanya adalah keturunan seekor anjing dan masing-masing dengan perkataan “anjing” dalam nama mereka. Sebilangan besar kisah itu sudah pun digambarkan oleh Yanagawa Shigenobu (1787-1832), dan Eisen mengambil alih setelah kematiannya.

Kat. 74

Utagawa Kuniyoshi
Malam musim bunga
1843–45

Seorang wanita sedang berjalan di jalanan pada malam musim bunga. Seekor anjing sesat bergerak lalu. Kata-kata lagu waka tradisional oleh penyair Edo Ryūtei Kyōraku mengelilingi cetakan ini.

Kat. 73

Utagawa Kunimaru
Di hadapan rumah mandian
1818–30

Dari kanan, wanita-wanita ini digambarkan sebagai Monnosuke *kidori*, Kumesaburo *kidori*, dan Kikunojō *kidori*. *Kidori* bermaksud meniru, dan ini adalah nama pelakon-pelakon kabuki. Pelakon kabuki yang terkenal adalah pelopor dunia fesyen, terutama *onnagata* (pelakon lelaki yang memainkan wanita wanita). Kimono wanita di sebelah kanan itu mempunyai reka bentuk daun maple yang diilhami oleh Monnosuke III, yang *klan mon* (lambangunya) adalah satu bulatan dengan empat daun maple.

Kunimaru berguru dengan Utagawa Toyokuni I, dan dengan itu menggunakan nama keluarga Utagawa. Hanya beberapa karya yang masih ada. Beliau juga seorang penyair; dan telah menulis haiku dengan nama Ryubi.

Kat. 70

BAHAGIAN 2

Ikan Emas

Kitagawa Utamaro II

Musim panas: Wanita dan anaknya bermain dengan ikan emas

1789-1801

Wanita itu duduk dengan santai sambil memegang kipas uchiwa. Perkataan yang tertera di kanan atas menunjukkan bahawa ia adalah musim panas. Dalam zaman Edo, penjaja di jalanan menjual ikan emas adalah pemandangan biasa pada musim panas. Harga ikan itu berbeza-beza bergantung pada jarang tidaknya ia didapati, jenis baka, warna, dan lain-lain. Ada di antara ikan emas itu yang harganya boleh mencapai 3 hingga 5 ryo (1 ryo bersamaan kira-kira \$800 SGD hari ini).

Kat. 78

Utagawa Toyokuni I

Pelakon Onoe Matsusuke II sebagai Kingyoya Kinpachi dan Ichikawa Ichizō I sebagai Ukiyodoko no Matabei

1814

Cetakan ini menggambarkan pemandangan dari satu persembahan kabuki. Di sebelah kanan ialah Onoe Matsusuke II, berlakon sebagai penjual ikan emas Kingyoya Kinpachi. Di sebelah kiri ialah Ichikawa Ichizō I, memainkan peranan Ukiyodoko no Matabei. Kinpachi sedang memegang *kingyodama* (bekas kaca untuk mengagumi ikan mas).

Memasuki studio Utagawa Toyoharu pada usia 14 tahun, Toyokuni I mendapat inspirasi dari seniman terkenal di sekitarnya, terutamanya Utamaro. Beliau dipandang tinggi selama hidupnya dan mengajar sejumlah pelajar berbakat, termasuk Kunisada dan Kuniyoshi.

Kat. 80

Utagawa Kuniyoshi

Adegan khayalan Musim Panas: Pelakon Ichimura Kakitsu sebagai Penjual Air dan Nakamura Kanjaku sebagai Penjual Ikan Emas awal tahun 1840-an

Lukisan kembar tiga ini menunjukkan dua pelakon kabuki yang popular sebagai penjaja jalanan musim panas. Di sebelah kiri, Nakamura Utaemon IV (aka Kanjaku) melakonkan watak penjual ikan emas. Di sebelah kanan, Ichimura Uzaemon XII (aka Kakitsu) membawa watak penjaja air. Antara tahun 1804 dan 1830, tarian kabuki yang diilhami oleh pedagang-pedagang sangat terkenal sehingga para seniman cetakan kayu membuat cetakan yang menggambarkan penjaja menjual kertas, air, serangga, kipas, bunga, tanaman, dan banyak barangan lain.

Kat. 87

Kikukawa Eizan

Wanita dan anaknya merenung mangkuk ikan emas
1804–18

Kanak-kanak di sini memakai tudung kepala yang dipercayai tangkal untuk mengelakkan cacar. Menjelang akhir zaman Edo, gambar seorang wanita dan anak yang mengagumi ikan emas menjadi topik yang popular. Dan terdapat banyak penerbitan mengenai cara-cara menyimpan ikan emas sebagai haiwan peliharaan. Ringkasan dan buku-buku panduan baharu mengenai ikan emas diterbitkan secara tetap dari masa ke masa.

Kat. 83

Utagawa Kuniyoshi

Adegan dari drama *Genji Moyō Furisode Hinagata*
1851

Lukisan kembar tiga ini menunjukkan pemandangan dari drama kabuki berdasarkan persembahan *False Murasaki's Rural Genji*, sebuah parodi *Tale of Genji*. Parodi ini, oleh Ryūtei Tanehiko (1783–1842), diterbitkan dalam edisi cetak woodblock dengan ilustrasi oleh Utagawa Kuniyoshi, dalam 38 jilid (1829–42).

Dalam cetakan ini, “Genji” desa mempunyai gaya rambut yang unik – *ebichasenmage* (ikatan simpul di bahagian depan, seperti ekor udang). Kerana populariti novel dan cetakan yang berkaitan, drama ini mengikuti gaya rambut yang sama untuk watak tersebut.

Kat. 86

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III
Mitsuuji dan wanita menikmati pesta aliran yang berliku
1852

Di sini, Ashikaga Mitsuuji, watak protagonis dari *False Murasaki's Rural Genji*, dikelilingi oleh beberapa wanita yang sedang menikmati pesta arus berliku di taman dengan pohon-pohon ceri. Para pembantu di sungai mengambil cawan wain sehingga Mitsuuji yang berpakaian halus dan wanita tidak perlu basah. Baju luarnya dihiasi dengan reka bentuk ikan emas.

Pesta aliran berliku adalah adat Cina lama. Peserta duduk dan mengarang puisi sambil menunggu cawan wain beras mereka terapong datang untuk mereka mengambilnya dengan mudah.

Kat. 88

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III
Bulan Keenam
Genji dalam Dua Belas Bulan
1856

Di sini, sekumpulan pelancong berkerumun di bawah sebatang pohon untuk berlindung dari hujan yang turun dengan tiba-tiba. Ashikaga Mitsuuji, dari Genji Desa Murasaki Palsu berada di sebelah kanan. Seorang utusan duduk di kotak pesannya; seorang ibu membawa anak; seorang sami melihat ke arah langit yang gelap. Di tengah, seorang wanita muda berbaju furisode (kimono lengan panjang) melirik Mitsuuji yang tampan. Wanita di sebelahnya bertukar pandangan dengan penjual ikan emas.

Kat. 89

Utagawa Sadahide

Wanita Perancis di Rumah Saudagar Asing di Yokohama

1861

Dalam cetakan ini seorang wanita Perancis mengagumi ikan emas dalam bekas di rumah saudagar asing di Yokohama. Dalam gambar sisipan, seorang lelaki sedang mengagumi wanita berkenaan.

Setelah Jepun terpaksa membuka semula pelabuhannya dan membiarkan orang asing masuk, orang-orang Jepun ingin tahu tentang mereka. Ramai seniman ukiyo menyahut permintaan untuk mendapatkan maklumat mengenai adat dan penampilan orang-orang asing ini.

Kat. 91

Haiwan lain

Utagawa Kuniyoshi

Anak Yoji yang berbakti

Dua Puluh Empat Contoh Mulia Jepun Mengenai Ketaatan Terhadap Ibu Bapa

sekitar tahun 1843–45

Cetakan ini menunjukkan seorang anak yang setia bekerja sebagai jurulatih monyet untuk mendapatkan wang bagi menolong ibunya yang sakit. Ini adalah satu adegan dari drama kabuki – Oshun, gundik cantik di Gion kagai; Kekasih Oshun Denbē; dan Yojirō, saudara lelaki Oshun, seorang jurulatih monyet yang tinggal di Kyoto.

Judulnya berasal dari *Dua Puluh Empat Contoh Mulia Mengenai Ketaatan Terhadap Ibu Bapa* oleh sarjana Cina dinasti Yuan, Guo Jujing; dikenali di Jepun sebagai Kaku Kyokei. Buku ini menceritakan pengorbanan diri 24 anak lelaki dan anak perempuan yang berusaha keras untuk menghormati ibu bapa, ibu bapa tiri, datuk dan nenek mereka.

Kat. 97

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III

**Kapal Kaca Belanda, burung yang diimport, dan tanglung kaca di
Pertunjukan Kraftangan
1819**

Lukisan kembar tiga ini menggambarkan karya seni kaca yang dipamerkan dalam pertunjukan kraftangan di Ryōgoku, Kota Edo, pada tahun 1819. Model kaca berwarna-warni kapal dagang Belanda dan tanglung besar mempamerkan teknologi pemotongan kaca Jepun. Burung eksotik hidup seperti burung tiong dan burung kakak tua juga turut dipamerkan. Kemampuan burung kakak tua untuk meniru percakapan manusia menimbulkan kehairanan kepada orang Edo.

Kat. 95

Seniman tidak dikenali

**Unta diimport oleh orang Eropah
1867**

Dalam cetakan ini, dua budak lelaki sedang bermain dengan seekor unta Bactrian (dua bonggol). Pada tahun 1867, orang ramai berkumpul di Osaka untuk melihat unta Bactrian yang hidup. Ukurannya (mungkin dlebih-lebihkan) terdapat pada tulisan di bahagian atas: tinggi 4 meter; berat lebih kurang 2 tan; leher sekitar 3 meter panjang. Tulisan lain menyebutkan bayaran masuk 72 mon (kira-kira 1.800 yen; \$ 23 SGD hari ini).

Kat. 102

Utagawa Kunimasa IV
Parodi *lagu Hauta*
1865–68

Seekor arnab jantan menyanyi sambil bermain muzik di shamisen untuk pasangannya. Hauta adalah lagu cinta pendek, biasanya disertai oleh shamisen. Mereka sangat terkenal sejak akhir Edo hingga awal zaman Meiji.

Perkataan yang tertera adalah parodi dua lagu terkenal. Liriknyanya mengisahkan tentang penjual arnab yang mempunyai arnab berbulu merah yang popular dan jarang didapati. Dia bertujuan untuk membesarkan arnab itu dengan baik dan berharap dapat membiakkannya dengan arnab pedigri lain bagi menghasilkan arnab eksotik untuk dijual.

Kat. 100

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III
Pemandangan Kanbara
Lima Puluh Tiga Stesen Jalan Tōkaidō
Zaman awal Tenpō (1830–44)

Ini adalah cetakan dari siri Kunisada di mana setiap stesen Tōkaidō dipasangkan dengan wanita cantik. Dan pemandangan latar dalam setiap cetakan disalin dari pandangan stesen Hiroshige di Jalan Lima Puluh Tiga yang terkenal di Jalan Tōkaidō. Wanita di sini diletakkan di atas lembu jantan. Lembu kebanyakannya digunakan dalam kerja-kerja pertanian dan untuk mengangkut barang berat. Dalam cetakan kayu, lembu sering menggambarkan aspek yang indah di kawasan desa.

Kat. 96

BAHAGIAN 3

Santapan Jiwa

Katsushika Hokusai

Kuwana: Kedai kepah bakar / Yokkaichi: Kedai pes kacang

Lima Puluh Tiga Stesen Jalan Tōkaidō: Buku Bergambar Courier's Bell
sekitar tahun 1810

Kuwana, perhentian ke-42 di Tōkaidō, makmur sebagai dermaga untuk pengangkutan feri. Seseorang boleh singgah ke kedai minuman teh menjual kepah panggang, satu keistimewaan kawasan ini. Dalam cetakan ini, brazier diletakkan di luar; kon pain dan jarum yang ditambahkan ke dalam api menghasilkan wangian untuk menarik pelancong ke gerai.

Cetakan lain (kanan) menggambarkan Yokkaichi, stesen ke-43, dan hentian sebelum menuju ke Kyoto atau ke Ise Shrine. Pelancong yang melakukan ziarah ke Kuil Ise pergi ke Tokaido dari sini. Terdapat banyak kedai minum teh di sepanjang jalan ini. Kedai-kedai ini menjual manisan tradisional.

Kat. 108a, b

Tsukioka Yoshitoshi

Kelihatan berat: Penampilan gundik di Fukagawa dalam zaman Tenpō

Tiga Puluh Dua Aspek Wanita

1888

Seorang pelayan dilabel sebagai Karuko, bekerja di Fukagawa, sedang membawa set dulang dengan piring porselin berlapis makanan. Di dalam mangkuk merah, nampaknya ada hidangan dengan kacang; hidangan biru-putih mengandungi sashimi.

Perkataan fūzoku, yang muncul dalam semua judul siri ini, bermaksud, “adat istiadat”, “adab”, atau “moral”. Siri ini bermula dari akhir kerjaya Yoshitoshi.

Kat. 103

Utagawa Kunisada, alias Toyokuni III x Utagawa Hiroshige
Matsu-no-sushi: Pelakon sebagai Sushiya Musume Osato
Restoran terkenal di Ibu Kota Timur
1852

Gambar teratas memaparkan Matsu no Sushi, sebuah restoran berhampiran Asakusa – salah sebuah restoran sushi yang paling popular di Kota Edo .

Di latar depan adalah watak Osato, seorang wanita di restoran sushi. Cetakan ini cuba menunjukkan hubungan (longgar) antara Matsu no Sushi dan Osato, dua subjek yang popular di Edo City.

Kat. 105

Utagawa Kunisada, alias Toyokuni III x Utagawa Hiroshige
Restoran Sakurai: Pelakon Ichikawa Kodanji IV sebagai Asakura Tōgo
Restoran terkenal di Ibu Kota Timur
1852

Kunisada dan Hiroshige bekerjasama dalam siri ini mengenai restoran-restoran terkenal. Kunisada melukis gambar dan Hiroshige mengerjakan latar belakang pemandangan dari sebuah restoran kota Edo yang terkenal. Inilah Yoshi Cho, yang ditandakan pada labu merah di sebelah kiri. Seorang pekerja memindahkan sashimi dengan berhati-hati dari tempat yang lebih besar ke hidangan yang lebih kecil.

Tokoh di latar depan adalah Asakura Tōgo, dilakonkan oleh bintang kabuki Ichikawa Kodanji IV. Watak ini berdasarkan seorang ketua kampung yang menganjurkan tunjuk perasaan bagi pihak petani di kampungnya yang sedang menderita.

Kat. 115

Utagawa Kunisada, alias Toyokuni III x Utagawa Hiroshige
Restoran Dagasode: Pelakon Iwai Kumezaburō III sebagai Yaoya Oshichi
Restoran terkenal di Ibu Kota Timur
1853

Cetakan ini melibatkan permainan kata-kata, dengan “Dagasode”, nama restoran yang digambarkan di bahagian atas, dan “furisode” wanita berwarna-warni (kimono lengan panjang). Lingkaran itu menunjukkan sekotak makanan potongan kecil: daging, ikan, sayur rebus, omelet panggang, kek ikan, dan lain-lain, biasanya disajikan sebelum makan kaiseki. Hari ini kesemua itu adalah hidangan Tahun Baru yang biasa.

Di latar depan ialah Yaoya Oshichi, watak dari permainan kabuki yang tragis, yang sedang memukul gendang untuk memberi isyarat tentang kebakaran. Drama ini menceritakan kejadian sebenar semasa kebakaran besar di era Tenna (1681–84). Seorang gadis muda menemui seorang pemuda yang bekerja di sebuah kuil. Tahun berikutnya gadis itu cuba membakar kuil tersebut kerana dia mengharapkan dapat bertemu dengan pemuda itu lagi jika satu kebakaran. Gadis ditangkap dan dibakar di tiang. Tema seseorang yang mati kerana cinta popular di kalangan penonton Edo, dan terdapat banyak novel, drama, dan tarian berdasarkan kebodohan Oshichi yang penuh tragis kerana mengikut darah muda.

Kat. 116

Uttagawa Kunisada, alias Toyokuni III x Uttagawa Hiroshige
Restoran Hyakusekirō: Pelakon Ichikawa Kodanji IV sebagai Nakamaro
Restoran terkenal di Ibu Kota Timur
1853

Gambar teratas menggambarkan lilin dan lentera yang bertuliskan “Oryōri Hyakusekirō”, sebuah restoran di daerah Nihonbashi yang menyajikan makanan kaiseki.

Watak di sini adalah Abe no Nakamaro, seorang sarjana dan penyair zaman Nara (710–94). Beliau adalah sebahagian daripada misi Jepun ke Tang China. Beliau menetap di sana, lulus peperiksaan pegawai negeri, dan mendapat jawatan di mahkamah China. Dalam persembahan ini, semangat watak terperangkap di menara (kōrō). Terdapat permainan kata-kata di sini yang akan menarik perhatian penonton, yang menghubungkan Hyakusekirō (restoran bertingkat) dan kōrō, menara yang menjebak semangatnya.

Kat. 117

Uttagawa Kuniyasu
Kemakmuran pasar ikan di Nihonbashi
akhir tahun 1820-an

Nihonbashi Uogashi (pasar ikan di tepi sungai) – “dapur” Edo – memainkan peranan penting dalam pemandangan kuliner di bandar ini. Ikan bilis, abalone, siput laut, cumi-cumi, ikan flounder, gurita, udang galah berduri, dan tuna semuanya dijual di pasar (dan digambarkan di sini). Lelaki dengan tiang pembawa (di kiri) nampaknya mempunyai katsuo besar (bonito, atau ikan tuna besar), salah satu ikan yang paling penting dalam menu Jepun.

Kat. 109

Uttagawa Kuniyoshi

Moriyama: Bodhidharma makan mi soba

Enam puluh sembilan Stesen Jalan Kisokaidō

1852

Kuniyoshi bijak menggambarkan semua stesen di sepanjang Kisokaidō dengan menambahkan watak dan permainan kata dari cerita dan legenda pada gambarnya. Di sini, gambar dan kata-kata yang tertera di atas mengenal pasti tempat itu sebagai Moriyama, di tepi Tasik Biwa. Tokoh di latar depan ialah Bodhidharma, pengasas agama Buddha Zen di China, yang sedang makan soba berdulang-dulang banyaknya. Pekerja yang bingung itu membawakan lebih banyak dulang mi itu untuknya.

Gaya makan soba dari dulang pengukus, seperti yang ditunjukkan dalam cetakan ini, dikatakan telah dimulai pada zaman Edo. Sebelum itu, soba sering dimakan sebagai ladu. Mie soba yang dilihat di sini adalah “soba potong”, disajikan dengan negi yang dihiris halus (bawang Wales) dan daikon oroshi (lobak parut). Menyiapkan soba dengan kicap mula menjadi popular pada abad ke-19. Kicap memberi kesan besar kepada budaya makanan Edo. Ini menjadikan soba dicelupkan dalam kicap sebagai hidangan yang sangat popular.

Kat. 121

Uttagawa Kunisada, aka Toyokuni III

Pelakon Ichikawa Ebizō V dan keluarganya dalam pesta kaligrafi dan melukis: Sushi dari kedai terkenal Matsu-no-sushi

1852

Lukisan kembar tiga ini menunjukkan anggota keluarga pelakon Ichikawa kabuki di pesta kaligrafi dan lukisan di rumah Ichikawa Ebizō V. Kata-kata yang tertera di sebelah kanan berbunyi: “”Salam, Matsu no sushi dari kedai Atake, kepada Encik Kobukuchōsha”.

Matsu no shusi adalah salah satu restoran sushi yang paling terkenal di Kota Edo, di Asakusa. Ia berasal dari daerah Fukugawa Atake dan terus menggunakan Atake dalam nama setelah berpindah. “Kobukuchōsha” - secara harfiah bererti “yang diberkati dengan banyak anak”, merujuk kepada Ebizō V. Susunan sushi di piring termasuk sushi udang *nigiri*, sushi telur gulung, dan lain-lain hidangan lazat

Kat. 112

Utagawa Kuniyoshi x Utagawa Torijo
Mahu makan: Wilayah Mimasaka
Hasrat Menguntungkan di Darat dan Laut
1852

Cetakan ini adalah sebahagian daripada siri Kuniyoshi dengan pemandangan dan produk terkenal di seluruh Jepun yang digabungkan dengan gambar wanita cantik. Takada terkenal dengan batu tinta – dengan itu gambar kuari, yang dilukis oleh Utagawa Torijo (aka Yoshitorijo), anak perempuan Kuniyoshi.

Perhatikan ladu di dulang: butiran beras individu jelas kelihatan. Ini mungkin makanan untuk kanak-kanak, seperti tajuknya: mama ga tabetai - “Saya mahu makan nasi”, dengan cara percakapan kanak-kanak.

Kat. 122

Utagawa Sadakage
Loteri
1818–44

Wanita ini mungkin seorang gundik. Di lantai, cawan sake terapung di haisen (bekas pembilas) berhampiran dulang makanan: mungkin pucuk butterbur, omelet gulung manis, dan makanan ringan lain.

Gambar sisipan menunjukkan loteri kuil. Seorang lelaki berpakaian istiadat memegang kotak kayu yang diisi dengan kōban (syiling emas).

Kat. 126

Utagawa Yoshitora
Warga asing menikmati pesta
1861

Sekumpulan orang asing menikmati pesta di rumah Gankirō, di daerah lampu merah Miyozaki di Yokohama. Ini adalah Bilik Kipas Lipat, kemewahan kelas tertinggi.

Kedatangan Komodor Amerika Matthew Perry yang tidak disangka-sangka di Tokyo pada tahun 1853 mengejutkan orang Jepun, yang telah terasing

dari seluruh dunia selama lebih dari 200 tahun. Tidak lama selepas lawatan Perry itu, pemerintah shogun runtuh; dan zaman baharu bermula. Orang asing yang mengunjungi Jepun hanya boleh tinggal di Yokohama, sebuah bandar pelabuhan di selatan Tokyo. Secara beransur-ansur, bandar pelabuhan lain dibuka, termasuk Kobe dan Nagasaki. Pedagang China memang sudah selalu datang ke pelabuhan-pelabuhan tersebut.

Kat. 128

Utagawa Yoshikazu
Kediaman orang asing di Yokohama
1861

Penampilan fizikal, pakaian, dan cara hidup orang asing adalah subjek yang sangat menarik bagi orang Jepun, dan mereka menjadi tema popular untuk apa yang disebut “cetakan Yokohama” seperti yang ini. Dalam pemandangan khayalan ini, keluarga saudagar Barat berehat di kediaman gaya Eropah.

Kat. 130

Artis tidak dikenali
Kek beras bijan sekarang
1868

Sekumpulan lelaki bekerja untuk mengisar biji bijan dalam mangkuk monumental. Mereka membuat kek beras manis: berisi beras pulut, beras biasa (nisbah 7: 3; atau hanya beras pulut), dan biji bijan. Kek-kek ini dipamerkan untuk dijual di kaunter.

Cetakan ini adalah parodi yang menceritakan kisah Domain Chōshū, dan bagaimana mereka membentuk pakatan dengan domain saingan untuk menggulingkan Tokugawa Shogunate.

Kat. 131

Seniman tidak dikenali

Cetakan ikan keli gempa: Memanggang ikan keli besar

1855

Pada tahun 1854, Gempa Besar Ansei melanda Kota Edo, meragut ribuan nyawa dan mengakibatkan kerosakan yang meluas. Dalam beberapa hari, jenis cetakan kayu baharu yang dikenal sebagai *namazu-e* (“gambar ikan keli”) menjadi terkenal. Cetakan ini menampilkan namazu besar (ikan keli) yang, menurut legenda, menyebabkan gempa bumi dengan meronta-ronta di lubuknya di bawah tanah. Selain memberikan komen humor dan sosial, banyak cetakan ini mendakwa boleh menawarkan perlindungan dari gempa bumi pada masa hadapan.

Populariti *namazu-e* meletup – dengan sehingga 100 jenis tersedia dalam beberapa minggu. Fenomena itu tiba-tiba berakhir apabila pemerintah Tokugawa, yang mempertahankan sistem penapisan ketat terhadap industri penerbitan, bertindak menghentikan penerbitannya. Hanya segelintir yang diketahui dapat bertahan hingga kini. Yang satu ini, seekor ikan keli sedang diusir oleh dewa Shinto Kashima.

Kat. 132

Taman

Utagawa Yoshitora

Pelbagai jenis kekwa: Gajah

1844

Dua wanita mengagumi gajah yang diperbuat daripada kiku – bunga kekwa. Semasa pameran dan pertunjukan di Edo, tukang-tukang kebun mencipta tokoh manusia atau haiwan seperti ini. *Mizugoke* (bog moss) digunakan untuk mengikat banyak bunga kecil bagi membentuk seperti seekor gajah.

Arca bunga yang menakjubkan ini dibuat di Kota City pada tahun 1844 oleh Itō Kingorō. Gajah dicatat sebagai hadiah diplomatik kepada tuan-tuan penting Jepun pada abad ke-16. Tetapi tidak banyak orang Jepun pernah melihat gajah hidup.

Kat. 139

Uttagawa Kuniyoshi

Bunga kekwa dari 100 jenis dicantumkan bersama sekitar tahun 1845

Sekumpulan orang ramai maju ke hadapan untuk melihat tanaman kekwa yang sangat besar yang mengandungi bunga dari 100 jenis yang berbeza, masing-masing dikenali dengan nama pada label gantung. Keajaiban botani ini diciptakan dengan memotong dan mencantumkan pelbagai jenis kekwa yang berbeza ke satu stem – satu pancapaian teknikal yang dibuat lebih luar biasa apabila semua bunga mekar secara serentak.

Cetakan Kuniyoshi adalah satu-satunya catatan visual tanaman “ajaib” yang ada, yang, menurut teks di bahagian atas, adalah hasil kerja seorang pakar kebun bernama Imaemon.

Kat. 137

Uttagawa Kunisada, aka Toyokuni III

Musim luruh: Barisan pelakon (dari kanan) Iwai Kumesaburō III, Ichikawa Danjūrō VIII, dan Bandō Shūka I

Perbandingan Bunga Empat Musim

1853

Masyarakat Edo membeli bunga dan tanaman dari gerai tepi jalan yang didirikan oleh penjual bunga. Semua bunga dan tanaman pasu di rak di sini mewakili musim luruh. Tumbuhan yang lebih mahal, seperti teratai Jepun dan pakis, sudah ada dalam periuk seramik di rak. Tanaman musim luruh yang lain di lantai dapat dengan mudah ditanam di kebun seseorang atau ke dalam pasu setelah dibeli.

Di latar depan ialah tiga pelakon kabuki yang dinamakan dalam tajuk. Kedua-dua Kumesaburō III dan Shūka I terkenal sebagai onnagata (pelakon lelaki yang memainkan peranan wanita), oleh itu mereka biasanya digambarkan dalam pakaian wanita. Nama mereka tidak ditulis dalam cetakan ini, tetapi sifat-sifat yang mereka miliki dan kemiripannya di sini, menjadi petanda identiti mereka yang dapat dikenali penonton pada masa itu.

Kat. 135

Utagawa Kunimori II

Jagung berbentuk ayam jantan dipamerkan di Shinagawa

1845

Cetakan ini menggambarkan mitos bandar: kemunculan telinga jagung berbentuk ayam jantan di rumah seorang lelaki di Shinagawa. Menurut satu laporan, ayam jantan itu mati, dan pemiliknya menguburkannya di halaman belakang rumahnya. Dari situ, batang jagung semakin membesar dan menjadi matang berbentuk seekor ayam jantan. Kisah ini menarik perhatian kawasan kejirannya.

Mungkin batang jagung itu mempunyai penyakit kulat yang dikenali sebagai puru jagung. Kulat menyebabkan daun, buah, dan sutera membentuk puru besar yang mungkin muncul seperti jambul ayam jantan dan sasak.

Kat. 140

BAHAGIAN 4

Perayaan Musiman

Utagawa Kunisada II

Pesta Tanabata

Lima Festival yang Diwakili oleh Baicho Genji

1858

Tanabata – Festival Bintang – adalah hari ke-7 bulan ke-7, ketika Hikoboshi, bintang lembu (Altair), dan Orihime, penenun (Vega), bersatu semula di seberang sungai surga (Bima Sakti). Hari ini Tanabata dirayakan pada musim panas tetapi bagi orang Edo, ia adalah pesta musim luruh.

Tradisi menulis hasrat pada sehelai kertas dan menghias dahan buluh dengannya masih bertahan hingga ke hari ini.

Kat. 147

Utagawa Hiroshige

Bunga api di Ryōgoku

sekitar tahun 1849–51

Wanita berkumpul di dermaga untuk menyaksikan bunga api musim panas berhampiran Jambatan Ryōgoku di Kota Edo. Restoran dan perniagaan lain di sepanjang tebing sungai menaja pameran bunga api mempesonakan pada tahun 1850-an. Seni pertunjukan menarik perhatian ramai orang, yang berkumpul di atas jambatan, di sepanjang pantai, di kedai minum teh, dan di kapal-kapal pelisiran yang disewa untuk menikmati persembahan.

Tradisi bunga api musim panas di Ryōgoku berlangsung hingga tahun 1961, hanya terkendala sekali sekala. Pada tahun 1978, ia diperkenalkan semula sebagai Festival Bunga Api Sumidagawa, yang kini diadakan setiap tahun pada hari Sabtu terakhir pada bulan Julai.

Kat. 146

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III
Bulan Kedua Belas: Membuat ladu padi
Dua belas bulan
1854

Pada bulan terakhir tahun lunar, persiapan untuk perayaan Tahun Baharu sedang berjalan dalam cetakan ini ketika lima wanita dan seorang lelaki membuat mochi (kek beras). Simbol-simbol yang menguntungkan muncul sebagai perincian kecil: penyu yang melambangkan umur panjang digambarkan pada kipas; labu, untuk nasib baik yang menghiasi skrin gelongsor.

Aktiviti musiman, yang kebanyakannya dilakukan oleh wanita, adalah subjek utama Kunisada. Bersama-sama cetakannya membezakan kitaran kehidupan harian dengan hari-hari perayaan yang lebih formal dan istimewa, sehingga menonjolkan peredaran masa.

Kat. 143

Utagawa Kunisada, aka Toyokuni III
Pemandangan ketika air surut: Mengumpulkan kepah
lewat 1820-an

Pada musim bunga, dua kegiatan menjadi kegemaran masyarakat Edo: melihat bunga sakura dan mengumpulkan kepah. Seseorang dapat menemukan pelbagai jenis kepah pada saat air surut, termasuk kepah keras, kepah littleneck, dan sejenis siput laut yang disebut serban bertanduk.

Kat. 141

Lukisan

Nagamasa
Potret dada wanita jelita
1818–30
Dakwat dan warna pada tatal kertas

Kat. 156

Bansai Madaki
Wanita menggosok gigi
1830–44
Dakwat dan warna pada tatal kertas

Kat. 157

Utagawa Kunimune II
Berjalan-jalan dengan pemain shamisen dan wanita di kedai bedak muka
1830–44
Dakwat dan warna pada tatal kertas

Kat. 154

Artis tidak dikenali (Berkaitan dengan Katsushika Hokusai)
Monkie dengan Gohei
1804–18
Dakwat dan warna pada tatal kertas

Kat. 151

Tani Bunchō x Komatsubara Suikei x Kita Busei
Rama-rama, peony, dan Kategori
awal atau pertengahan tahun 1830-an
Dakwat dan warna pada tatal kertas

Kat. 150

Kouno Bairei (1844-1895)
Parodi Onna San no Miya (Puteri Ketiga, dari Kisah Genji)
1868–72
Dakwat dan warna pada tatal sutera

Kat. 153

RUANG RENUNGAN

Utagawa Hiroshige

Kyoto: Jembatan Besar di Sanjō

Lima Puluh Tiga Stesen Jalan Tōkaidō

sekitar tahun 1833–34

Jembatan di Kyoto ini menandakan berakhirnya Jalan Tōkaidō. Hiroshige mencipta pelbagai edisi siri ini, sebahagiannya dengan aspek yang berbeza dari stesen-stesen, tetapi beliau selalu memasukkan jambatan ini. Hiroshige mungkin memikirkan kesatuan setiap edisi, bermula dengan Jembatan Nihonbashi di Edo, berakhir di Kyoto dengan Jembatan Sanjō. Atau, beliau mungkin telah memilihnya untuk menyampaikan dengan jelas gambaran Kyoto yang tidak asing lagi bagi *Edokko* (penduduk Kota Edo).

Kat. 13